

# CNN keruhkan hubungan harmoni Malaysia-Amerika

BH 20 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - Laporan berbentuk spekulatif dan kegagalan memberikan ruang kepada Perdana Menteri menjelaskan isu sebenar mengenai negara ini ketika temubual secara langsung oleh stesen televisyen CNN baru-baru ini dianggap sebagai usaha terbaru menghalang hubungan harmoni Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Tindakan itu juga dilihat sebagai percubaan untuk menimbulkan tanggapan negatif terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Sharif, berkata tindakan CNN itu boleh diibaratkan sebagai petualang yang mahu menghalang kedua-dua negara daripada menjalinkan hubungan baik.

"Walaupun Perdana Menteri sudah menjelaskan pendirian Malaysia mengenai keganasan antarabangsa dan Palestin kepada Presiden George W Bush, media Barat masih mahu mengaitkan negara ini dengan keganasan.

"CNN seperti menutup mata dan tidak mahu menerima hakikat bahawa Malaysia bertegas memerangi keganasan.

"Mereka tidak akan ber-

puas hati selagi negara ini tidak dilabel sebagai negara pengganas dan menerima nasib seperti negara lain.

"CNN juga cemburu dan tidak senang hati melihat sebuah negara kecil seperti Malaysia maju dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Norizan berkata, tindakan pengacara sesi soal jawab CNN itu, Zain Verjee CNN yang bertanya soalan panjang tetapi tidak memberikan peluang kepada Dr Mahathir menjelaskan pertanyaan itu, adalah per-

buatan 'melacurkan kewartawanan', sekali gus menjejaskan kredibiliti wartawan yang melaporkan berita dan bukan membuat berita.

Sehubungan itu, katanya, MBM mendesak media Barat khususnya CNN berhenti menjadi batu api sebaliknya mewujudkan dunia yang adil, makmur dan selamat untuk semua.

Dr Mahathir baru-baru ini membidas CNN yang bukan saja tidak memberinya peluang membuat penjelasan mengenai pelbagai isu penting, malah membuat kenyataan dan tanggapan mereka sendiri.

Pada temuramah sempena lawatan Dr Mahathir ke Amerika Syarikat itu, Zain Verjee menggunakan pendekatan dengan membuat soalan dan kenyataan panjang, tetapi bertanyakan soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat.

Sementara itu, Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata media barat itu menimbulkan tanggapan negatif terhadap Perdana Menteri dan Malaysia.

Beliau berkata, CNN cuba mengalih perhatian

dan mengajukan soalan yang mengelirukan tetapi dapat dijawab Perdana Menteri dengan hujah yang boleh menimbulkan kepercayaan penonton.

"CNN cuba menimbulkan salah faham dunia bahawa Malaysia tidak mengamalkan demokrasi sepenuhnya dan mengaitkan negara ini dengan pengganas.

"Tetapi usaha mereka gagal kerana kebijaksanaan Dr Mahathir menjawab soalan yang membuat mereka tidak mampu meneruskan soalan," katanya.

Dr Shamsul berkata, berikutan wawancara itu, tembelang yang selama ini disembunyikan media Barat untuk memburukkan Dr Mahathir kepada masyarakat antarabangsa sudah diketahui dan sememangnya berniat jahat.

Timbalan Pengerusi Biro Strategi dan Undang-undang Wanita MCA Wilayah Persekutuan, Tai Sim Yew, mahu CNN menghentikan sikap berat sebelah dalam laporan berita berkenaan negara ini.

Beliau berkata, taktik CNN itu jelas membuktikan mereka tidak profesional, tidak beretika dan tidak adil.